

CNS1691

R GB 07-08 00179 BA319

b a h

PM MAHU SEWA HOTEL DI LANGKAWI DITURUNKAN

Mahathir - Hotel

LANGKAWI, 7 Ogos (**Bernama**) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu harga, bilik hotel di Langkawi diturunkan supaya pelancong terus berkunjung dan **para** pengusaha, penduduk Langkawi dan rakyat Malaysia menikmati keuntungan jangka panjang secara berterusan.

Beliau **juga** menggesa **para** pengusaha hotel seluruh negara supaya mengenakan harga yang lebih murah supaya Malaysia dikenali kerana menawarkan tempat penginapan termurah berbanding tempat-tempat lain yang setaraf.

**Perdana** Menteri kesal dengan kadar hotel dan harga barangan yang tinggi di Pulau Langkawi **kerana** kesannya **bagi** tempoh jangka panjang akan merugikan negara.

+Sesetengah **tempat** penginapan di Langkawi berharga terlalu tinggi. Tempat yang menawarkan bilik **kecil** yang tidak **ada** hawa **dingin** dan kadang-kadang tingkap pun **kecil** atau tidak **ada** tingkap, mengenakan harga yang **tinggi**,+ katanya ketika merasmikan **Delima** Resort di sini hari **ini**.

Katanya **hasrat** kerajaan ialah supaya kos penginapan yang ditawarkan **rendah** dan boleh menarik pelancong dari jauh **walaupun** mereka terpaksa membayar harga **tambang** yang tinggi untuk datang ke **sini**. -- **Lagi**.

♥07/08/16-31MST

R GB 07-08 00155 BA320

bah

Mahathir - Hotel 2 Langkawi

+Kita tidak perlu mengenakan bayaran yang tinggi untuk mendapat keuntungan dalam industri perhotelan,+ katanya.

Beliau berkata tindakan pengusaha hotel mengenakan kadar **bayaran** yang tinggi akan menyebabkan harga barangan lain serta taraf **hidup** meningkat **dan** akhirnya pengusaha hotel terpaksa **memberi** gaji yang tinggi kepada **para** pekerja untuk menyesuaikan dengan taraf **hidup yang** tinggi.

+**Ini** menyebabkan kos yang ditanggung oleh hotel meningkat dan margin keuntungan pun tidak berapa tinggi+ katanya.

Beliau menyeru pengusaha hotel dan pelancongan di negara **ini** supaya tidak bersikap terlalu tamak dan hendak cepat **kaya**.

Katanya kadar hotel dan **harga barangan** di Langkawi sepatutnya **rendah** memandangkan kos sara **hidup** di **sini** **rendah** setelah kerajaan memberikan taraf bebas cukai.

Dr Mahathir berkata beliau telah berkali-kali mengulangi tegurannya mengenai perkara yang **sama** demi kebaikan jangka **panjang** penduduk, **para** pengusaha di Langkawi serta negara **ini** seluruhnya. -- **Lagi**.

♥07/08/16-35MST

R GB 07-08 00170 BA321.

bah

Mahathir - Hotel 3 Langkawi

Katanya beliau sedar pengusaha sering **memberialasan** kononnya pengusaha hotel di sesetengah bandar **raya** lain seperti Tokyo, London dan Singapura, **juga** mengenakan harga yang jauh lebih **mahal**.

Bagaimanapun, katanya, walaupun pengusaha di negara-negara berkenaan mengenakan harga yang lebih tinggi tetapi margin keuntungan mereka **juga** tidak tinggi.

Dr Mahathir berkata, kos yang tinggi akan menyebabkan pelancong memilih **untuk** melancong di tempat yang lebih murah.

Beliau mengingatkan **para** pengusaha negara **ini** supaya menyedari hakikat bahawa Malaysia terletak jauh dari **punca-punca** pelancong seperti Eropah dan **para** pelancong dari **sana** terpaksa membayar **tambang** perjalanan yang tinggi untuk sampai ke **sini**.

+Kalaupun Jepun lebih dekat, tetapi **para** pelancong Jepun mempunyai **banyak** pilihan lain seperti Hawaii, Guam dan lain-lain. Oleh itu mesti **ada** sebab-sebab **bagi** **para** pelancong itu untuk datang ke **sini**,+ katanya.

Katanya, jika **pihak-pihak** yang berkenaan terus mengenakan harga yang tinggi, pertambahan pendapatan rakyat tidak membawa makna kerana kuasa **membeli** rakyat tetap berkurangan. -- **Lagi**.

▼07/08/16-36MST

CNS1700

R GB 07-08 00142 BA322

bah

Maha thi-r - **Hotel 4 (Akhir)** Langkawi

Beliau meminta **para** pengusaha hotel di Langkawi dan **tempat-tempat** lain di seluruh negara supaya mencontohi **Delima** Resort di **sini** yang mengenakan harga sederhana tetapi menyediakan kemudahan **mewah**.

Menurutnya, **Delima** Resort, yang merupakan resort terbesar **di** negara **ini** dengan 1,500 bilik, menawarkan kemudahan yang lebih baik **daripada** hotel bertaraf tiga **bintang** dan hanya kurang sedikit untuk mencapai taraf hotel lima **bintang** walaupun sewanya lebih murah berbanding dengan hotel-hotel lain di negara **ini**.

+Mungkin harga **ini** boleh dinaikkan kemudian, tetapi **sekiranya** kita hendak mengenakan harga yang tinggi, **kita** mestilah **menyediakan** layanan yang lebih istimewa, setaraf dengan hotel **enam bintang**,+ katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan **juga** mahu pelancongan **dalam** negeri ditingkatkan tetapi sekiranya kos **mdlancong** dalam negeri **juga** tinggi, perkara ini tidak akan **dapat** dicapai. -- Bernama.